

Ucapan YAB Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak bin Hussein
di Majlis Pembukaan Resmi Pesta Pembangunan Kebangsaan Yang Kedua
di Stadium Negara pada 20hb. Jun, 1974, jam 5.00 petang.

Saya bersyukur ke hadzrat Allah Subhanahuwataala kerana izinNya kita sekalian dapat berhimpun beramai-ramai petang ini pada Pembukaan Pesta Pembangunan Peringkat Kebangsaan kali yang kedua ini.

Kita sungguh bertuah kerana Pesta Pembangunan Kebangsaan ini mendapat penghormatan yang tinggi dengan kebadiran ramai tetamu agung luar negeri di Ibu Negara kita iaitu Menteri-menteri dan Pembesar-pembesar yang mewakili negara mereka di Persidangan Menteri menteri Luar Negara negara Islam yang sedang berlangsung disini sekarang. Kedatangan tetamu agung kita itu bersama-sama menyaksikan Pesta ini tentulah akan meneguhkan azam kita untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab hingga mendapat penuh kejayaan. Saya mengambil peluang ini menyampaikan salam takzim kita sekalian melalui pira tetau kita itu kepada rakyat negara mereka masing-masing dan juga menyatakan semangat setia-kawan kita dengan rakyat negara mereka dalam usaha mereka mendapatkan kehidupan yang makmur dan bahagia.

Sejak diadakan Pesta Pembangunan yang pertama di Dungun hampir dua tahun yang lalu serentak dengan pelancaran Gerakan Pembaharuan, beberapa Pesta seperti ini telah diadakan di peringkat Negeri dan Daerah. Inilah pertama kali kita mengadakannya di Ibu Negara secara besar-besaran mengambil sempena Persidangan Menteri-menteri Luar Negara negara Islam. Sukalah saya mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada Jawatankuasa Pengelola Pesta yang telah bekerja keras selama beberapa bulan ini menyusun aturcara dan sebagainya supaya menjamin kejayaan Pesta ini.

Saudara-saudara sekalian.

Semenjak kita mencapai kemerdekaan 17 tahun yang lalu, Kerajaan telah merancang dan melaksanakan berbagai rancangan pembangunan untuk meninggikan taraf hidup rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di kampung kampung dan kawasan luar bandar. Antara rancangan rancangan ini termasuklah kemudahan kemudahan infrastruktur seperti jalanraya, jambatan, taliair, kelinik, sekolah dan sebagainya di samping mengadakan kemudahan kemudahan kredit, pemasaran dan khidmat nasihat bagi mempesatkan aktiviti ekonomi dan meninggikan lagi daya pengeluaran rakyat. Untuk menentukan kejayaan rancangan rancangan inilah maka Kerajaan telah menubuhkan beberapa agensi pembangunan meliputi semua sektor pertanian, perdagangan dan perindustrian Hingga hari ini kemajuan yang dicapai adalah memuaskan. Rancangan-rancangan pembangunan dalam sektor pertanian, terutamanya seperti pembukaan tanah untuk ladang-ladang baru getah dan kelapa sawit, penanaman semula getah, pemodenan teknik pertanian telahpun membawa hasil yang sangat baik dan dapat meninggikan taraf hidup sebilangan besar rakyat di luar bandar. Dengan meningkatnya harga getah, kelapa sawit dan padi, peserta peserta dalam rancangan tanah dan penanam-penanam padi dapat menikmati pendapatan yang tinggi.

Kemajuan negara kita pada keseluruhannya boleh dibanggakan dengan hasil pengeluaran negara dan kadar pertumbuhan yang tinggi kalau dibandingkan dengan negara negara lain. Tetapi Kerajaan tidaklah berpuashati dengan kemajuan yang dicapai itu. Pembangunan belum membawa apa-apa makna sekiranya masih terdapat kemiskinan, jurang perbedzaan ekonomi yang luas dan pengangguran terutama di kalangan belia. Kita masih lagi menghadapi beberapa masalah dan salah satu yang paling rumit warisan dari zaman penjajahan dulu ialah identification atau pengenalan kaum dengan taraf hidup dan corak pekerjaan. Keadaan masyarakat kita yang terpisah kepada suatu cara kehidupan iaitu orang-orang Melayu dengan kerja-kerja kampung, keturunan China di bidang perdagangan dan keturunan India di ladang-ladang tidaklah patut dibiarkan berterusan. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah merangka dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru serentak dengan pelancaran Rancangan Malaysia Kedua yang telahpun berjalan selama tiga tahun ini.

Saudara saudara sekalian.

Sebayaimana yang sama sama kita maklum, Dasar Ekonomi Baru mempunyai dua objektif yang penting iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kedua-due objektif ini sama saja beratnya tetapi objektif yang kedua adalah lebih penting dan mustahak bagi masa hadapan negara. Seperti yang diterangkan dalam Kajian Semula Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua. kejayaan memenuhi matlamat membasmi kemiskinan adalah memuaskan. Selama tempoh tiga tahun ini langkah-langkah tegas telah dijalankan di bidang perindustenan dan pertanian mengadakan peluang-peluang pekerjaan baru Lebih kurang 350.000 pekerjaan baru telahpun dapat diadakan menerusi projek-projek besar perindustrian seperti di Shah Alam dan Pulau Pinang dan ini adalah lebih separuh daripada matlamat 600.000 pekerjaan dalam Rancangan Lima Tahun Kedua kita.

Mengenai rancangan kemajuan tanah untuk pertanian. sukacita saya menyatakan iaitu dalam tempoh tiga tahun ini hampir hampir 600.000 ekar tanah telah dimajukan pada keseluruhannya dan dari jumlah ini lebih kurang 400.000 ekar tanah diberi kemudahan parit dan taliair. Ini termasuklah tanah sawah ladang getah dan kelaoa sawit. Daripada itu. lebih 200.000 ekar sawah ditanam dua musim. Hingga haji ini terdapat seramai 29.000 keluarga dalam Rancangan FELDA iaitu tambahan seramai 8,400 keluarga peserta baru. Dari segi bantuan kewangan pula, lebih kurang \$300 juta telah dikeluarkan menerusi sumber-sumber kewangan Kerajaan untuk pertanian dan industri-industri yang berasaskan pertanian.

Saudara saudara sekalian.

Kejayaan Dasar Ekonomi Baru dalam context penyusunan se-nula masyarakat amalleh penting oleh kerana inilah sebenarnya asas masyarakat adil dan perpeduan rakyat. Ini sudah pasti mengambil masa dan kita berharap dalam tempoh 20 tahun sehingga tahun 1990 sekurang kurangnya 30% daripada aktiviti perdagangan dan perindustenan di semua peringkat akan dimiliki dan dikendalikan oleh orang-orang Bumiputra. Dalam hal ini saya telah seringkali menegaskan bahawa kepentingan ekonomi semua kaum dari golongan rakyat dijamin dapat bertumbuh maju supaya masing masing mendapat bahagian yang saksara menikmati kekayaan negara. Walaupun untuk mencapai matlamat ini Kerajaan mengambil peranan yang cergas mendorong perkembangan dan kemajuan ekonomi rakyat luar bandar, ini sangatlah wajar kerana golongan ini telah ketinggalan sek'ian lama.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua jelas menunjukkan bahawa kedudukan ekonomi rakyat luar bandar terutama kaum Bumiputra sangatlah lemah berbanding dengan masyarakat bandar yang sebahagian besarnya orang orang bukan Bumiputra. Angka pemilikan dan penanaman modal atau capital-ownership kaum Bumiputra sangat rendah barbanding dengan kaum kaum lain kerana mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih kuat dan kukuh. Namun, pencapaian matlamat 30% itu akan dilaksanakan dengan adil dan saksama iaitu tidak merugikan ataupun merampas hak mana-mana pihak, bahkan menikmati bersama-sama.

Saudara-saudara sekalian

Seperti yang kita maklum. matlamat ini akan hanya boleh tercapai sekiranya kaum Bumiputra tampil ke hadapan merebut peluang menyertai lapangan perdagangan dan perindustenan yang semakin berkembang maju. Bagi menyertai lapangan ini mestilah lahir pembaharuan sikap dan cara pemikiran di kalangan mereka sesuai dengan kehendak dan keperluan sektor ekonomi modern. Kita sedar bahawa ini adalah satu perkara yang sukar dan juga mengambil masa panjang tetapi saya yakin ini bukanlah perkara yang mustahil dicapai. Dengan tujuan inilah kita bertindak melancarkan Gerakan Pembaharuan untuk menggerakkan mereka dan menanamkan rasa keyakinan bahawa mereka mempunyai kebolehan untuk menyertai sektor ekonomi modern yang penuh dengan cabaran itu. Syukur Alhamdulillah, sedikit

banyak hasilnya telahpun dapat dilihat hari ini.

Selaras dengan usaha usaha menggalakkan penyertaan kaum Bumiputra di lapangan perdagangan dan perindustenan, tindakan telah juga diambil memperkemaskan segala dasar Kerajaan supaya tidak menyekat peluang atau hak kaum lain untuk bergerak maju. Sesungguhnya Kerajaan ingin melihat sebahagian daripada peluang baru yang terbuka di lapangan perdagangan dan perindustrian disertai dan diusahakan bersama oleh kaum Bumiputra dan bukan Bumiputra supaya menjauhkan dari menjadi 'monopoly' satu-satu golongan sahaja. Patut di ingat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan adalah untuk semua rakyat di negara kita ini tidak kira kaum ataupun mana-mana golongan tetapi Kerajaan berharap rakyat daripada kaum kaum lain bukan sahaja memahami akan perlunya penyertaan kaum Bumiputra di dalam sektor ekonomi modern tetapi hendaklah bersedia tampil ke hadapan membantu mereka dan bersama sama dengan mereka menjayakan usaha mereka dalam lapangan tersebut.

Sesungguhnya, sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan tiga tahun lalu, telah banyak usaha bersama (joint-ventures) yang ditubuhkan di lapangan perdagangan dan perindustrian antara Bumiputra secara perseorangan dan agensi-agensi Kerajaan dengan pengusaha-pengusaha bukan Bumiputra. Saya ingin melihat lebih banyak lagi usaha bersama ini diwujudkan terutamanya antara Bumiputra dan bukan Bumiputra secara perseorangan atau kumpulan. Tetapi amatlah penting dan mustahak diperhatikan agar usaha bersama ini benar benar bermakna iaitu penyertaan yang aktif pada semua peringkat daripada pengurusan membawa ke bawah dan tidak hanya penyertaan pasif dengan menamakan seorang dua pengarah. Corak joint-venture itu mestilah benar-benar mencerminkan hasrat penyusunan semula masyarakat yang dicitacitakan itu.

Memandang hal inilah maka Pesta Pembangunan Peringkat Kebangsaan ini dirancang dengan cara yang berkesan dan menitikberatkan Dasar Ekonomi Baru sebagai tema utamanya. Segala pamiran yang diatitkan dalam Pesta ini menggambarkan seberapa jelas konsep Dasar Ekonomi Baru, peluang-peluang yang tumbuh dari rancangan-rancangan pembangunan di bawah Dasar tersebut dan yang lebih penting menifestasi Dasar Ekonomi Baru yang dapat dilihat daripada beberapa orang pengusaha dan peniaga Bumiputra sama ada secara bersendirian ataupun secara joint-venture dengan kaum-kaum lain. Saya berharap kejayaan mereka ini akan mendorong lebih ramai lagi orang-orang lain menceburkan diri dalam lapangan perdagangan dan perindustrian samada bersendirian ataupun secara joint venture untuk mempercepat tercapainya matlamat 30% itu.

Saya harap pelawat pelawat yang datang ke Pesta ini akan memerhatikan dengan sungguh-sungguh segala apa yang dipamirkan dan cuba memahami betapa tingginya azam Kerajaan hendak membawa rakyat ke mercu kejayaan supaya mereka dapat menikmati keadaan hidup yang makmur, aman dan bahagia. Dipihak rakyat pula, mereka hendaklah mempunyai keazaman dan keupayaan sama sama mengambil peluang yang disediakan itu. Pada masa ini saya berani katakan tidak ada suatupun yang tertinggal dan pandangan Kerajaan membantu pengusaha dan peniaga Bumiputra baik dari segi modal, pinjaman, khidmat nasihat, latihan untuk pengurusan dan pengeluaran, pemasaran dan pembahagian — pendek kata, semua yang diperlukan bagi sesuatu enterprise. Institusi Kewangan memang bersedia membantu usaha Bumiputra dan saya gembira dengan adanya ikrar pihak bukan Bumiputra yang sanggup memberi petunjuk dan bimbingan kepada Bumiputra yang ingin menceburkan diri dalam lapangan baru itu.

Saya yakin dan percaya dengan integrated approach yang dilakukan sebagai strateji pembangunan hari ini. Kita akan dapat mengekalkan pertumbuhan dan perkembangan yang seimbang di bidang ekonomi, sosial dan juga keselamatan. Inilah perbezaan penting dalam falsafah pembangunan negara hari ini berbanding dengan masa yang lalu. Hari ini kita melibatkan semua pihak iaitu perancang dan pelaksana - planners and implementors - pada semua peringkat mulai daripada peringkat rakyat kampung melalui

Jawatankuasa Kemajuan Kampung hingga ke peringkat national iaitu Majlis Tindakan Negara. Dengan cara integrated approach inilah kita berharap dapat membina masyarakat Malaysia baru yang modern dan dinamis tetapi tetap berpegang dengan nilai-nilai hidup yang tinggi seperti yang digariskan dalam Rukunegara.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti saya katakan awal tadi. serentak dengan Pesta Pembangunan ini, kita sedang meraikan Menteri menten dan Pern besar pern besar Islam yang berada di Kuala Lumpur untuk menghadhiri Persidangan Menteri menteri Luar Negaranegara Islam yang kelima. Pemilihan Ibu Negara sebagai tempat persidangan penting ini adalah satu penghormatan yang besar bagi negara kita dan rakyat Malaysia amnya. Kita gembira kerana tetamu tetamu agung kita itu akan datang melawat Pesta Pembangunan kita ini dan menyaksikan dengan sendiri bagaimana kita membangun negara untuk faedah dan kepentingan rakyat yang akan diwariskan kepada jenerasi akan datang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terimakasih kepada pihak Pengelola Pesta Pembangunan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri. pihak Swasta. kaum Belia, Pelajar dan murid-murid serta orangramai yang sama-sama memberi sumbangan meniyakan Pesta Pembangunan ini. Sumbangan mereka itu sangatlah dihargai selain dari mencerminkan semangat pembaharuan yang ingin maju dan berjaya.

Dengan nama Allah yang maha Pemurah dan maha Penyayang, saya dengan sukacitanya meresmikan Pesta Pembangunan Peringkat Kebangsaan yang kedua ini, sambil berdoa mudah mudahan usaha kita yang baik ini diberkatiNya dan diberiNya kita perlindungan pada setiap masa.

(XV)



Ketibaan Allahyarham YAB Tun Perdana Menteri dipelancaran Hari Peladang pada 6hb. Ogos, 1975 di perkarangan Parlimen. Dari kiri ke kanan: Toh Puan Hajjah Rahah, YB. Datuk Haji Mustafa, YB. Encik Mokhtar Hashim, Allahyarham Tun, Data Ishak Haji Pateh Akhir, Encik Ahmad Sarji bin Abdul Hamid dan YB. Encik Ghaffar Baba.